

PENERIMAAN ZAKAT KE ATAS MATA WANG KRIPTO (*BITCOIN*)

The Acceptance of Zakat on Cryptocurrency (Bitcoin)

Nik Safiah Nik Abdullah^{1*}

Siti Khalilah Basarud-din

Nur Syamilah Md Noor³

¹Jabatan Kewangan Islam, Fakulti Muamalat & Kewangan Islam, Kolej Universiti Islam Perlis, 02000 Kuala Perlis, Perlis, Malaysia.

^{2,3}Jabatan Pentadbiran Muamalat, Fakulti Muamalat & Kewangan Islam, Kolej Universiti Islam Perlis, 02000 Kuala Perlis, Perlis, Malaysia.

*Corresponding author (Email: niksafiah@kuips.edu.my)

Received: 1 March 2022 Reviewed: 7 March 2022 Published: 31 March 2022

Abstract: *Recently, the rapid development of digital transactions has become a new phenomenon that is gaining attention around the world. The use of blockchain technology has been recognized by various industries especially those that use cryptocurrency transactions. For example, bitcoin has been at the forefront in the rise of cryptocurrencies since it was first launched in 2009. Moreover, bitcoin has become one of the phenomena in the development of online transactions. As a result, there has been confusion among the Muslim community about the payment of zakat on digital assets, which has led many bitcoin owners not to issue the zakat, even though their savings have been sufficient. Perlis is one of the earliest states to make zakat obligatory for its citizens on the ownership of bitcoin digital assets. In fact, this first fatwa allows the payment of zakat in the form of money value or bitcoin units. This article lists several fatwas and views of Islamic scholars regarding the status of bitcoin according to the Shariah perspective. In addition, this article also focuses on the discussion of the method of calculating zakat on bitcoin digital assets and explores the readiness of zakat institutions in accepting bitcoin transactions. The methodology of this study applies the qualitative research through document analysis design. The results of this discussion explain the arguments and reasons as well as the law of use of bitcoin as a payment mechanism according to Shariah. The provision of a zakat payment platform for cryptocurrencies will be a small part of a beneficial initiative towards the economic development of the country and improving the well-being of society. This readiness can be used as a useful guideline for zakat institutions to remain sustainable as the best Islamic financial medium for the ummah.*

Keywords: *Blockchain, Cryptocurrency, Bitcoin, Zakat, Digital Assets*

Abstrak: Mutakhir ini, pembangunan pesat transaksi digital menjadi satu fenomena baharu yang kian mendapat perhatian di seluruh pelusuk dunia. Penggunaan teknologi *blockchain* telah diakui oleh pelbagai industri terutamanya yang menggunakan transaksi mata wang kripto. Justeru, *bitcoin* telah menerajui dalam kenaikan mata wang kripto sejak pertama kali ia dilancarkan pada tahun 2009. Selain itu, *bitcoin* telah menjadi salah satu fenomena dalam pembangunan transaksi dalam talian. Oleh hal yang demikian, tercetus kekeliruan di dalam kalangan masyarakat Muslim mengenai pembayaran zakat aset digital yang menyebabkan

ramai pemilik *bitcoin* tidak mengeluarkan zakat, walaupun simpanan mereka sudah cukup haul. Perlis antara negeri terawal yang mewajibkan zakat ke atas rakyatnya terhadap pemilikan aset digital *bitcoin*. Malah, fatwa pertama ini membenarkan pembayaran zakat dalam bentuk nilai wang atau unit *bitcoin*. Artikel ini menyenaraikan beberapa fatwa dan pandangan sarjana Islam berkaitan status *bitcoin* menurut perspektif Syariah. Selain itu, artikel ini turut memfokuskan perbincangan mengenai kaedah pengiraan zakat ke atas aset digital *bitcoin* dan meneroka kesediaan institusi zakat dalam penerimaan transaksi *bitcoin*. Metodologi kajian ini mengaplikasikan kajian kualitatif melalui reka bentuk analisis dokumen. Hasil perbincangan ini menjelaskan hujah dan sebab serta hukum penggunaan *bitcoin* sebagai mekanisme pembayaran menurut Syariah. Tindakan penyediaan platform pembayaran zakat bagi mata wang kripto akan menjadi sebahagian kecil daripada ikhtiar yang berfaedah ke arah pembangunan ekonomi negara secara menyeluruh dan menambah baik kesejahteraan masyarakat. Kesediaan ini boleh dijadikan garis panduan berguna kepada institusi zakat untuk terus mampan dan lestari sebagai medium kewangan Islam yang terbaik kepada ummah.

Kata Kunci: *Blockchain, Mata Wang Kripto, Bitcoin, Zakat, Aset Digital*

PENGENALAN

Dalam meniti arus kemodenan ini, operasi transaksi di alam maya cuba dibangunkan dengan menggunakan mata wang kripto sebagai medium pertukaran. Meskipun mata wang kripto tidak diiktiraf di kebanyakan negara pada peringkat antarabangsa, namun ramai pengguna cuba mendapatkan mata wang ini disebabkan kehadiran sesetengah firma yang kini menggunakan mata wang tersebut. Mata wang kripto mula popular oleh evolusi *bitcoin* (BTC) sejak ia diperkenalkan pada tahun 2008. Dengan kenaikan harga yang mengagumkan bermula kurang daripada US\$0.10 per *bitcoin* hingga mencecah hampir US\$20,000 per unit tatkala kemuncak pada tahun 2017. Semenjak itu, harganya mula menurun tetapi pada kadar US\$5,000 ke US\$12,000 per unit sehingga Oktober 2020. Harga *bitcoin* melonjak ke tahap yang tinggi disebabkan keghairahan orang ramai terhadap *bitcoin* yang mana pada April 2021 peningkatan harga *bitcoin* sehingga mencapai hampir US\$65,000 iaitu harga tertinggi di dalam sejarah kewujudan *bitcoin*. Penggunaan teknologi *blockchain* membawa kepada penciptaan mata wang kripto yang lain dengan keistimewaannya tersendiri seperti *Ethereum* (ETH) dan *Litecoin* (LTC). Pelancaran mata wang kripto baru kebiasaannya dibuat menerusi penawaran token iaitu satu kaedah pengumpulan dana untuk syarikat pemula (*startups*). Kebanyakan syarikat pemula kripto ini menawarkan jualan token kripto dalam bentuk *Initial Coin Offering* (ICO) dan *Stable Token Offering* (STO) (Mohd Faizal & Lisasari, 2021).

Malahan mata wang terdesentralisasi pertama di dunia adalah fungsi khas yang menarik minat pelabur untuk memiliki dan menggunakan *bitcoin* sebagai alat pembayaran. Selain itu, ketinggian harga mata wang *bitcoin* yang tinggi serta kemudahan dengan hanya menggunakan internet untuk menjalankan transaksi telah memberi kesan positif kepada permintaan *bitcoin* (Sensoy, 2019). Tambahan pula, terdapat sebahagian pandangan yang menyimpulkan bahawa *bitcoin* adalah mata wang yang halal menurut perundangan Islam (Meera, 2018). Status penghalalan *bitcoin* dapat merancakkan lagi penggunaan *bitcoin* sebagai alat pembayaran dalam kalangan umat Islam. Namun adakah *bitcoin* benar-benar halal menurut perundangan Islam? Atau adakah *bitcoin* merupakan mata wang yang sah menurut kaca mata syarak?

Adakah *bitcoin* selamat dari unsur *riba* dan *gharar* yang dilarang dalam muamalat Islam? Persoalan ini timbul setelah berlaku beberapa permasalahan yang melibatkan transaksi *bitcoin* seperti spekulasi harga *bitcoin*, penggunaan *bitcoin* sebagai alat pembayaran dalam urus niaga narkotik yang menyalahi undang-undang dan kehilangan *bitcoin* semasa proses pertukaran di Coincheck pada Januari 2018 (Corbet *et al.*, 2019). Di sebalik itu, timbul kekeliruan di dalam kalangan masyarakat Muslim mengenai pembayaran zakat aset digital yang menyebabkan ramai pemilik *bitcoin* tidak mengeluarkan zakat, walaupun simpanan mereka sudah cukup haul (Mohd Asri, 2019).

Di dalam konteks Malaysia, salah satu kriteria yang perlu ada ialah kesediaan institusi zakat dalam menerima dan memproses bayaran zakat dalam bentuk mata wang kripto. Usaha ini dapat memberi manfaat kepada negara kerana kutipan dan agihan zakat dapat dioptimumkan. Justeru, di sebalik persediaan institusi zakat dalam penerimaan transaksi mata wang kripto, artikel ini turut mengupas kaedah pembayaran zakat ke atas mata wang kripto seperti bitcoin. Selain itu, artikel ini juga mengenal pasti beberapa fatwa dan pandangan sarjana Islam berkaitan status penggunaan bitcoin sebagai mata wang dan instrumen pembayaran menurut perspektif syariah.

KAJIAN LITERATUR

Kini evolusi pengaplikasian mata wang kripto semakin dinamik dan bergerak tangkas. Istilah mata wang kripto merupakan letusan mata wang digital dengan konsep yang mutakhir dalam ekonomi pasaran global. Sistem mata wang ini beroperasi seperti mata wang biasa yang membenarkan para pengguna membuat transaksi bayaran untuk pembelian dan perkhidmatan secara atas talian. Keistimewaan sistem ini ialah memudahkan proses serta mampu mengurangkan caj-caj tambahan untuk sebarang transaksi tanpa melalui medium pihak ketiga seperti institusi perbankan dan kewangan (Vejacka, 2014). Mata wang secara maya ini menunjukkan pembangunan pesat serta perkembangan yang semakin baik (Nurulain Atiqah & Aisyah, 2018).

Bitcoin merupakan aset digital pertama dalam bentuk mata wang kripto, menjadikannya mata wang maya paling popular dalam kalangan pengguna di seantero dunia pada masa kini (European Central Bank, 2012). Mata wang kripto adalah perkembangan semula jadi bagi teknologi mata wang mengadaptasi terhadap kemajuan internet dan perdagangan dalam talian. *Bitcoin* dihasilkan menerusi proses penempaan (*mining*) yang memerlukan satu jangka masa yang amat panjang, dengan cara penyelesaian masalah dan formula matematik melalui peralatan komputer. Ia bukan seperti wang kertas bersifat fizikal yang ada pada hari ini. Penggunaan mata wang digital ini menjadi fenomena baharu yang kian mendapat perhatian di seluruh dunia. Dengan erti kata lain, *bitcoin* adalah satu versi wang tunai elektronik yang wujud di alam maya yang membolehkan pembayaran secara dalam talian dilaksanakan antara dua pihak secara terus tanpa perlu melalui pihak ketiga sebagai perantara. Kemunculan *bitcoin* pada 2009 bertujuan menjadi mekanisme pembayaran alternatif kepada mata wang *fiat* yang sedia ada dalam urus niaga transaksi di abad ini (Nakamoto, 2008).

Bitcoin dicipta oleh individu yang menggunakan nama samaran, *Satoshi Nakamoto* pada tahun 2008. Operasi *bitcoin* diselenggara oleh satu autoriti yang tidak berpusat, berbeza dengan mata wang biasa yang dikelolakan oleh institusi kewangan atau bank pusat masing-masing. Transaksi *bitcoin* dijalankan secara terus melalui saluran kriptografi antara pengguna tanpa ada

perantara. Ia juga boleh ditukar atau dijual beli dengan mata wang biasa, produk atau perkhidmatan (Murphy, Murphy & Seitzinger, 2015). Nama *bitcoin* juga merujuk kepada perisian bebas bagi menggunakan *coin* ini melalui rangkaian *peer-to-peer*. Tidak seperti mata wang *fiat*, *bitcoin* tidak mendasarkan kepercayaan kepada pengeluar pusat bahkan *bitcoin* menggunakan pangkalan data yang diedarkan kepada rangkaian *peer-to-peer* dengan menggunakan kriptografi sebagai fungsi asas keselamatan bagi memastikan *bitcoin* hanya boleh dibelanjakan oleh orang yang memilikinya pada satu-satu masa. Malah, *bitcoin* bergantung sepenuhnya kepada prinsip-prinsip kriptografi untuk memastikan kestabilan dan kebolehpercayaannya (Nakamoto, 2008) dalam mengawal selia pergerakan dan aliran *bitcoin* menjadikan *bitcoin* mata wang global pertama yang tidak diregulasi oleh mana-mana agensi kewangan pusat (Meera, 2018; Negurita, 2014). Dengan ketiadaan regulasi dari pihak kerajaan pengguna *bitcoin* bebas menjalankan transaksi merentas sempadan antarabangsa kerana ketiadaan peruntukan undang-undang dalam mengawasi transaksi yang dilakukan. *Bitcoin* juga boleh digunakan secara rahsia tanpa perlu disertakan maklumat peribadi pengguna di mana-mana negara. Dalam erti kata yang sama, *bitcoin* juga merupakan satu rangkaian digital yang disimpan di dalam fail *wallet* atau dompet atas talian (European Central Bank, 2012; Farell, 2015). Pembayaran secara *bitcoin* mampu dilakukan di antara sesiapa sahaja yang mempunyai perisian dompet *bitcoin* pada komputer, *tablet* atau telefon bimbit mereka. Operasi pengeluaran *bitcoin* akan terhenti apabila mencapai 21 juta unit bagi mengelakkan masalah hiperinflasi (Alberts & Fry, 2015; Bohme *et al.*, 2015) dan pada kadar sekarang, ia dijangka habis ditempa kira-kira pada tahun 2040 (Roberts & Rapp, 2017).

PERBINCANGAN DAN HASIL KAJIAN

Status Bitcoin Mengikut Hukum Syarat

Dalam penentuan hukum *bitcoin*, terdapat banyak perbezaan pendapat di kalangan para ulama dan sarjana dalam menentukan klasifikasi, sifat dan status *bitcoin* dari sudut kesahihan nilai dan pengiktirafannya sebagai harta bernilai (*Mal Mutaqawwam*). Selain itu, perbezaan seterusnya di kalangan para ulama adalah dalam menentukan hukum bertransaksi dengan *bitcoin* yang merangkumi proses berdagang (menjual & membeli), menyimpan dan menggunakannya serta kewajipan zakat ke atasnya.

Mufti Negeri Perlis telah mengeluarkan fatwa bahawa *bitcoin* dianggap sebagai satu aset yang berharga, dan pemilik *bitcoin* perlu membayar zakat sewajarnya, dengan syarat bahawa tiada arahan kerajaan yang mengharamkan penggunaan *bitcoin* (Jabatan Mufti Negeri Perlis, 2019).

Jabatan Mufti Negeri Perlis (2019) telah mengemukakan beberapa pandangan seperti berikut:

1. Sifat dan kesahihan nilai harta pada *bitcoin*: Ianya sah dan boleh diiktiraf sebagai punyai nilai harta berdasarkan sifat '*multi-function and benefit*' yang diperolehi oleh pemilik *bitcoin*. Antara faedah atau manfaat yang dimaksudkan adalah:
 - a. Akses kepada ekosistem lengkap yang membolehkan pemindahan milik dilaksana dengan selamat dan tepat.
 - b. Kebolehan untuk disimpan dan dipindah milik kepada pihak lain dengan mudah, pantas dan murah.
 - c. Kebolehan ia untuk didagangkan di pasaran kripto terbuka.

- d. Penerimaan sesetengah pihak terhadapnya sebagai perantara pembayaran.
- e. Penggunaan teknologi *blockchain* yang menambah ciri ketelusan, keselamatan Bitcoin serta nilainya

Justeru, *bitcoin* boleh disifatkan sebagai aset digital dalam bentuk yang unik serta mempunyai pelbagai manfaat tersendiri yang harus (mubah) khususnya bagi komuniti yang tahu mengguna dan memanfaatkannya.

Bitcoin pada ketika ini juga dianggap tidak mencukupi syarat bagi klasifikasi mata wang, maka ia tidak boleh dianggap sebagai mata wang serta tidak terpakai ke atasnya garis panduan hukum *Sarf*.

2. Harus bertransaksi dengan *bitcoin* sebagai perantara pembayaran, pemindahan wang, aset simpanan dan berdagang dengannya. Namun hendaklah mengambil kira apa yang disebutkan dalam perkara lima (5) di bawah.
3. Disebabkan *bitcoin* diiktiraf sebagai aset bernilai, maka setiap pemilikan yang melebihi nilai 85 gram emas serta cukup tempoh pemilikan selama satu tahun, wajib ke atas pemilik *bitcoin* untuk membayar zakat harta sebanyak 2.5 % dari nilai semasa *bitcoin* tersebut.
4. Mereka yang ingin menggunakan *bitcoin* juga wajib memahami selok belok penggunaan *bitcoin*. Ini penting bagi mengelakkan elemen gharar sewaktu menggunakannya. Selain itu, pihak terbabit juga mesti terlebih dahulu memahami tahap tinggi risiko-risiko yang berkait dengan transaksi *bitcoin*.
5. Hukum penggunaan *bitcoin* boleh berubah menjadi haram atau ditegah disebabkan beberapa faktor luaran seperti:
 - a. Apabila diharamkan penggunaannya oleh kerajaan ketika itu ia juga menjadi haram dari segi hukum Syariah atas dasar kemaslahatan awam dan mengelak mudarat menurut penilaian oleh pihak *ulil amri*.
 - b. Apabila menyertai Skim *Bitcoin* melalui skim cepat kaya anjuran orang tengah atau syarikat pengantara yang menjanjikan keuntungan tetap atau lumayan. Ini adalah haram dari sudut syariah dan juga undang-undang setempat. Inilah yang menyebabkan ada yang membeli *bitcoin* melalui akaun yang dimiliki syarikat seperti itu lalu berlakunya penipuan.

Kaedah Pembayaran Zakat Ke Atas Aset Digital Bitcoin

Majlis Fatwa Perlis menetapkan sebarang pemilikan aset digital *Bitcoin* dikenakan zakat sekiranya ia cukup haul (jangka masa simpanan) dan nisab (kadar yang diwajibkan) di atas sifatnya sebagai '*Urudh al-Tijarah* (barangan dagangan) (**Jabatan Mufti Negeri Perlis, 2020**). Fatwa ini adalah fatwa pertama yang mewajibkan dan memberi panduan kepada pemilik aset digital untuk membayar zakat ke atas pemilikan mereka. Kadar bayarannya telah ditetapkan Jawatankuasa Majlis Fatwa Perlis seperti mana bayaran zakat yang diwajibkan ke atas pemilik emas. Pembayaran boleh dilakukan dalam bentuk nilai wang atau unit *Bitcoin* (BTC).

Terdapat dua kaedah pengiraan yang biasa digunapakai untuk pembayaran zakat bagi mata wang kripto seperti *Bitcoin* bergantung sama ada mata wang kripto itu diperdagangkan atau hanya sebagai simpanan di dalam dompet kripto. Untuk mata wang kripto yang disimpan di dalam dompet kripto, kaedah pengiraan mata wang kripto adalah sama dengan pengiraan simpanan mata wang fiat. Setelah jumlah amaun memenuhi jumlah minimum yang dikehendaki sebanyak 85gm emas (nisab) dan pemilikan penuh selama setahun (haul), maka

wajib bagi pemilik untuk membayar zakat sebanyak 2.5 peratus daripada jumlah keseluruhan mata wang kripto yang dimiliki pada akhir tahun (**Jabatan Mufti Negeri Perlis, 2020**).

Kaedah pengiraan zakat berikutnya adalah untuk mata wang kripto yang diperdagangkan. Kaedahnya ialah menganggap mata wang kripto sebagai suatu pelaburan seperti pelaburan dalam pasaran saham. Amalan kiraan zakat yang biasa dilakukan ialah dengan mengambil 2.5 peratus daripada hasil keuntungan yang direalisasikan sepanjang tahun dan amaun unit kripto yang dimiliki pada akhir tahun.

Kaedah pengiraan zakat untuk aset digital *Bitcoin* (BTC) yang diperdagangkan ialah:

$$[(\text{Nilai terendah unit BTC dalam satu tahun} \times \text{bilangan unit BTC}) + \text{keuntungan hasil dagangan sepanjang tahun}] \times 2.5 \%$$

(Sumber: *Jabatan Mufti Negeri Perlis, 2020*)

Sebagai contoh, Pemilik A mempunyai satu unit *Bitcoin* yang dibeli pada 1 Januari 2020 pada harga RM 29,808.00. Setelah setahun iaitu pada 1 Januari 2021, maka telah cukup tempoh haul iaitu tempoh setahun dan nilai semasa *Bitcoin* beliau adalah RM133,320.00. Nilai semasa itu melebihi nisab Perlis iaitu RM 20,579.75, maka zakat perlu dibayar.

Pengiraan zakat Pemilik A:

Nilai terendah *Bitcoin* antara 1 Januari 2020 hingga 1 Januari 2021 ialah RM 26,839.62 (nilai terendah pada Mac 2020).

Bilangan unit BTC: 1

Keuntungan hasil dagangan: 0 (tidak pernah menjual unit)

Maka $[(\text{RM } 26,839.62 \times 1) + 0] \times 2.5\% = \text{RM } 670.99$

Nilai 670.99 itu sama ada diambil daripada jualan sebahagian *Bitcoin* atau dibayar menggunakan sumber lain seperti wang fiat ke mana-mana institusi zakat. Walaupun hanya Perlis yang mengeluarkan fatwa ke atas *Bitcoin*, mana-mana pelabur yang ingin membayar zakat boleh berbuat demikian berdasarkan fatwa dan cara kiraan mereka dan disalurkan ke mana-mana Institusi zakat. Menurut Arham (2021), pengiraan tersebut boleh digunapakai untuk mata wang kripto lain walaupun fatwa dikhususkan kepada *Bitcoin*.

Kesediaan Institusi Zakat Terhadap Transaksi Bitcoin

Keputusan untuk melaksanakan platform pembayaran zakat untuk mata wang kripto mestilah selari dengan fatwa berkaitan yang dikeluarkan oleh mufti yang berkeelayakan. Di dalam konteks Malaysia, institusi zakat mestilah berpegang kepada fatwa yang dikeluarkan oleh negeri masing-masing. Sekiranya terdapat fatwa yang menyatakan pembayaran zakat juga menerima mata wang kripto, maka seterusnya institusi zakat hendaklah bekerjasama dengan para ulama dan pakar teknologi untuk memutuskan sama ada adakah platform pembayaran sedemikian sesuai untuk dilaksanakan. Jika keputusan dibuat untuk memulakan projek tersebut, maka pasukan ini boleh memperincikan pelan pelaksanaan.

Menurut Mohd Faizal dan Lisasari (2021), pelan untuk melaksanakan platform pembayaran zakat bagi mata wang kripto boleh diklasifikasikan kepada empat tahap. Tahap-tahap itu adalah seperti berikut:

1. Menyediakan pelan keseluruhan projek. Perancangan projek amat penting untuk kejayaan pelaksanaan. Beberapa kakitangan penting perlu diperuntukkan untuk pengurusan projek, pembangunan produk, dan pengujian serta aktiviti pemasaran. Kewujudan sumber dalaman yang berpengetahuan di dalam bidang mata wang kripto akan memberi kelebihan besar terhadap projek. Bagaimanapun, pakar dari luar organisasi boleh dilantik sebagai konsultan. Pelan peningkatan kesedaran (*awareness*) dan pemasaran boleh disediakan sebagai sebahagian daripada pelan keseluruhan projek.
2. Membangunkan platform pembayaran zakat mata wang kripto. Pembangunan platform tersebut boleh diberi kepada pasukan dalaman atau pasukan luaran iaitu dari pihak ketiga. Pasukan yang dikenal pasti perlulah terdiri dari pasukan berpengalaman dalam mata wang kripto. Bekerja dengan pasukan yang tiada pengalaman dengan mata wang kripto boleh menyebabkan risiko kehilangan mata wang kripto disebabkan oleh pencerobohan keselamatan atau kecuaiian.
3. Ujian dan penstabilan platform. Ujian adalah penting untuk memastikan platform itu berfungsi seperti yang diinginkan. Perhatian yang khusus perlu diberikan ke atas aspek keselamatan sistem bagi memastikan transaksi yang melibatkan mata wang kripto adalah selamat.
4. Pelaksanaan pelan peningkatan kesedaran dan pemasaran. Pelan peningkatan kesedaran dan pemasaran boleh dilaksanakan pada bila-bila masa, malah sebelum siapnya platform tersebut. Sewaktu pelaksanaan pelan, adalah penting untuk menggunakan medium yang tepat bagi memaksimumkan liputan agar dapat sampai kepada pemilik mata wang kripto yang berpontensi.

Memandangkan mata wang kripto seperti *bitcoin* ini masih baru bagi institusi zakat. Pelbagai cabaran perlu dihadapi untuk mendepani kemajuan sektor kewangan ini. Menurut Mohd Faiz *et al.* (2019), kesediaan institusi zakat dapat dibahagikan kepada beberapa komponen utama yang saling berkaitan sebagai garis panduan seperti:

1. Pengetahuan dan Kemahiran

Pengetahuan dan kemahiran merupakan kunci utama kepada kesediaan institusi zakat dalam menerima transaksi *bitcoin*. Pengetahuan dan kemahiran ini mampu diperolehi dengan 3 perkara seperti pendidikan; latihan dan usaha sama. Pendidikan seperti *research and development* perlu diadakan dari semasa ke semasa khusus dalam fokus ini. Latihan seperti kursus mahupun modul dan model yang bersesuaian kepada pegawai yang melaksanakan urusan ini juga perlu dijalankan. Akhirnya usaha sama dengan pihak yang berautoriti seperti Bank Negara Malaysia, Suruhan Jaya Sekuriti serta Badan Akademik perlu dipergiatkan dari semasa ke semasa.

2. Teknologi

Teknologi terutama penggunaan transaksi *online* perlu diperkemas seiring dengan perkembangan teknologi masa kini. Teknologi ini dinamik dan bergerak pantas. Justeru, kesediaan seperti mempunyai modal insan yang kompeten dalam teknologi perlu

dibangunkan. Selain itu, peralatan terkini yang menepati piawai standard untuk transaksi juga boleh diperkembangkan dan dibangunkan

3. Ekonomi dan Pelaburan

Selain itu, setelah menerima transaksi Bitcoin ini, terdapat keperluan institusi zakat agar meneliti dari aspek ekonomi dan pelaburan. Mudah-mudahan, *bitcoin* ini perlu menguntungkan agar mampu menjana pulangan yang lebih baik kepada asnaf dan pembayar zakat.

4. Keselamatan

Keselamatan terutama dari aspek keselamatan siber perlu diberikan perhatian penting. Keselamatan ini menjadi rangkaian utama terhadap kesediaan institusi zakat dalam menerima transaksi *bitcoin*. Ini untuk mengelakkan berlakunya penggodaman dan penipuan semasa berlakunya transaksi *bitcoin* ini

5. Penambahbaikan Berterusan

Penambahbaikan berterusan ini dibahagikan kepada tiga aspek seperti perancangan, pelaksanaan dan pasca pelaksanaan. Dari segi perancangan, institusi zakat perlu teliti merancang sebarang keputusan mengenai transaksi ini. Perancangan ini perlu dilakukan secara musyawarah dan bersama. Pelaksanaan pula perlu dijalankan berhati-hati kerana transaksi ini begitu terdedah kepada penipuan dan penggodaman. Akhirnya, pasca pelaksanaan perlu dinilai. Setiap hasil perkembangan perjalanan setahun transaksi ini boleh dinilai dalam mesyuarat, kolokium, simposium, seminar dalam skala dalaman mahupun luaran.

KESIMPULAN

Bitcoin dan transaksinya adalah halal dan harus tanpa syak. Apa yang diharamkan adalah perbuatan menyalahgunakan *bitcoin* sebagaimana menyalahgunakan wang *fiat*. Yang nyata, tidak wujud *bitcoin* palsu sedangkan wang palsu wujud yang mana telah merugikan banyak pihak. Oleh itu, institusi zakat mesti bersedia untuk memenuhi keperluan pelbagai peyumbang berpotensi baru yang memegang kripto sebagai aset digital yang berharga. Kesediaan dan persiapan institusi zakat untuk menerima transaksi Bitcoin sebagai perubahan bagi aspek kewangan digital perlu dipersiapkan secara menyeluruh bagi mendepani kemajuan teknologi ledakan literasi kewangan. Tindakan menyediakan platform pembayaran zakat kripto akan menjadi sebahagian kecil daripada usaha bermanfaat yang lebih besar untuk mengarahkan kripto ke arah ekonomi yang lebih formal. Jadi, dalam konteks ekonomi Malaysia, ia membantu ekonomi negara secara menyeluruh dan menambah baik kesejahteraan masyarakat. Platform pembayaran zakat untuk mata wang kripto adalah sangat mudah untuk dilaksanakan. Dengan rancangan pelaksanaan yang baik dan pasukan projek yang tepat, pelaksanaan platform pembayaran zakat untuk mata wang kripto dapat diselesaikan dengan jayanya dalam jangka waktu yang singkat. Institusi zakat boleh bekerjasama dengan pasukan dalaman atau melakukan *outsourcing* kepada pasukan luar. Secara tuntas, persediaan daripada semasa ke semasa perlu dipersiapkan bagi menghadapi sebarang kemungkinan. Trend dan perkembangan kini memaksa institusi zakat bersedia untuk sebarang perubahan terutama daripada aspek kewangan digital. Kesediaan ini boleh dijadikan garis panduan berguna kepada institusi zakat untuk terus mampan dan lestari sebagai medium kewangan Islam yang terbaik kepada ummah. Justeru, dengan mempunyai garis panduan dalam penerimaan *bitcoin* ini, institusi zakat bersedia menerima sebarang transaksi yang menggunakan mata wang kripto ini.

PENGHARGAAN

Artikel ini merupakan output penyelidikan di bawah Geran Penyelidikan Jangka Pendek (STG-022) bertajuk Penerokaan Model Penerimaan Zakat ke Atas Mata Wang Kripto (Bitcoin). Penghargaan ditujukan kepada Majlis Agama Islam Perlis (MAIPs) dan beberapa pelabur Bitcoin atas maklumat dan kerjasama yang diberikan.

RUJUKAN

- Ahmad Sufyan Che Abdullah (2017). Bagaimana ciri wang Islam? Adakah bitcoin mempunyai ciri mata wang?. *Muamalat.my*, 19 Jun 2017. Diambil daripada <https://www.facebook.com/muamalat.my/posts/1414275821988496:0>
- Alberts, J. E., & Fry, B. (2015). Is Bitcoin Security? *Boston University Journal of Science and Technology Law*, 21(1), 1-21.
- Amjad Mohammed (2017). *Cryptocurrency Onecoin, Bitcoin*. Diambil daripada <http://www.wifaqululama.co.uk/images/Fatwa/wifaq-onecoin.pdf>
- al-Maqrizi, Ahmad ibn Ali ibn Abd al-Qadir, Abi al-Abbas, Taqi al-Din (1998). *Rasail al-Maqrizi*. Kaherah: Dar al-Ḥadith.
- al-Maṣri, Rafiq Yunus (2013). *Al-Nuqud fi al-Iqtisad al-Islami*. Damsyik: Dar al-Maktabi.
- Amat@Anwar Zainal Abidin (2002). *Sejarah Penggunaan Matawang Dinar*. Kertas Kerja Seminar Dinar Peringkat Kebangsaan, anjuran Universiti Sains Islam Malaysia di Kuala Lumpur, 16 Mac 2002.
- Arham Mericam (2021). Fatwa zakat ke atas aset digital seperti Bitcoin. *Majalah Libur*, *Julai 1, 2021*. Diambil daripada <https://www.majalahlabur.com/pelaburan/fatwa-zakat-ke-atas-aset-digital-seperti-bitcoin/>
- Bohme, R. *et al.* (2015). Bitcoin: Economics, Technology and Governance. *Journal of Economic Perspective*, 29(2), 213-238.
- Corbet, S. *et al.*, (2019). Cryptocurrencies as a financial asset: A systematic analysis. *International Review of Financial Analysis*, 67, 182-199.
- Dar Al-Ifta Al-Misriyyah (2018). Diambil daripada <http://www.daralifta.org/ar/Viewstatement.aspx?sec=media&ID=5617>
- European Central Bank (2012). *Virtual Currency Schemes*, October 2012.
- Farell, R. (2015). An analysis of the cryptocurrency industry. *Wharton Research Scholars*, 130.
- Hakimi Ibrahim (2004). *History of the Gold Dinar and its Philosophy*. Kertas Kerja Bengkel Dinar Emas di Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi pada 30 Julai 2002.
- Ḥasan, Ahmad (1999). *Al-Awraq al-Naqdiyyah fi al-Iqtisad al-Islamiyy: Qimatuha wa Ahkamuha*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Jabatan Mufti Negeri Perlis (2019). Fatwa Bitcoin. *Jabatan Mufti Negeri Perlis*, 3 Disember 2019. Diambil daripada <https://muftiperlis.gov.my/index.php/himpunan-fatwa-negeri/95-fatwa-bitcoin>
- Jabatan Mufti Negeri Perlis (2020). Fatwa Zakat Ke Atas Aset Digital Bitcoin (BTC). *Jabatan Mufti Negeri Perlis*, 14 Januari 2020. Diambil daripada <https://muftiperlis.gov.my/index.php/himpunan-fatwa-negeri/217-fatwa-zakat-ke-atas-aset-digital-bitcoin-btc>
- Luqman Tarmizi (2018). Bayan Linnas Siri Ke-153: Hukum Penggunaan Mata Wang Bitcoin. *Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan*, Artikel 15 November 2018. Diambil daripada

- <https://muftiwp.gov.my/artikel/bayan-linnas/2773-bayan-linnas-153-hukum-penggunaan-mata-wang-bitcoin>
- Marjan Muhammad (2018). *Analisis Syariah Terhadap Mata Wang Kripto*. Kertas kerja dibentangkan di Persidangan Meja Bulat Mata Wang Kripto dan Sistem Kewangan Digital di Dewan Besar IKIM pada 28 Februari 2018.
- Meera, A. (2018). Cryptocurrencies from Islamic perspectives: The case of bitcoin. *Bulletin of Monetary Economics and Banking*, 20(4), 377-394.
- Mishkin, F. S. (2009). *The Economics of Money, Banking and Financial Markets*. Boston: Pearson Education.
- Mohd Asri Zainul Abidin (2019). MAIPs terokai ilmu, laksanakan Zakat Bitcoin. *Berita Terkini MAIPs*, 27 Mei 2020. Diambil daripada https://www.maips.gov.my/index.php?option=com_k2&view=item&id=992:maips-terokai-ilmu-laksanakan-zakat-bitcoin&Itemid=834&lang=ms
- Mohd Daud Bakar (2018). Bitcoin: Mata Wang, Komoditi, Sekuriti atau Identiti Baru? Satu Perbincangan Minda Syariah (Bahagian II). *Coin.my*, 18 Januari 2018. Diambil daripada <https://coin.my/op-ed/bitcoin-matawang-komoditi-sekuriti-identiti-baru-bhgn-ii/>
- Mohd Faiz Mohd Yaakob, Alif Nawawi, & Raja Rizal Iskandar Raja Hisham (2019). Persediaan institusi zakat menggunakan mata wang kripto (bitcoin). *International Journal of Zakat and Islamic Philanthropy*, 1(2), 138-150.
- Mohd Faizal Yusof & Lisasari Ab. Rasid (2021). Perilaku pembayaran zakat mata wang digital kripto: Isu, cabaran dan strategi. *International Journal of Behavioral Analytics*, 1(1), No. 4, June 2021, 1-12.
- Muhammad Abu Bakar (2018). Shariah Analysis of Bitcoin, Cryptocurrency, & Blockchain, Blossom Labs Inc., hal. 19-20
- Murphy, E. V., Murphy, M. M., & Seitzinger, M. V. (2015). *Bitcoin: Questions, Answers, and Analysis of Legal Issues*. Congressional Research Service, 1.
- Nakamoto, S. (2008). *Bitcoin: A Peer-to-Peer Electronic Cash System*. Diambil daripada www.bitcoin.org
- Negurita, O. (2014). Bitcoin - Between legal and financial performance. *Contemporary Readings in Law and Social Justice*, 6(1), 242-248.
- Nurulain Atiqah Zain-Azmi & Aisyah Abdul-Rahman (2018). Kesedaran Pelajar Terhadap Risiko Bitcoin. *Jurnal Personalia Pelajar*, 21(1), 67-77.
- Qaradaghi.com (2018). Diambil daripada <http://www.qaradaghi.com/Details.aspx?ID=3790>
- Roberts, J. J., & Rapp, N. (2017). Exclusive: Nearly 4 Million Bitcoins Lost Forever, New Study Says. *Fortune*, November 25, 2017. Diambil daripada <https://fortune.com/2017/11/25/lost-bitcoins/>
- Roberts, J. J., & Rapp, N. (2017). Exclusive: Nearly 4 Million Bitcoins Lost Forever, New Study Says. *Fortune*, November 25, 2017. Diambil daripada https://fortune.com/2017/11/25/lost-bitcoins/?utm_campaign=Revue%20newsletter&utm_medium=Newsletter&utm_source=Kyle%20Torpey%27s%20Daily%20Bitcoin%20Recap&fbclid=IwAR2dthWc0d74nRqhDPforkfwVabMw_t0VKgwmz4lCO9SXwR9keGbr5a4kNw
- Sadono Sukirno & Mohamed Aslam Ghulam Hassan (1999). *Makroekonomi Teori, Masalah dan Dasar Kerajaan*. Petaling Jaya: Prentice Hall (M) Sdn. Bhd.

- Salmy Edawati Yaacob (2009). Sejarah dinar emas dan kronologi pertukaran matawang dunia. *Jurnal Al-Tamaddun*, 4, 107 – 127.
- Sanep Ahmad & Salmy Edawati Yaacob (2012). *Dinar Emas Sejarah Dan Aplikasi Semasa*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Segendorf, B. (2014). What is Bitcoin? *Sveriges Risksbank*.
- Sensoy, A. (2019). The inefficiency of bitcoin revisited: A high-frequency analysis with alternative currencies. *Finance Research Letter*, 28, 68-73.
- Tapscott, D., & Tapscott, A. (2016). *Blockchain revolution: How the technology behind bitcoin is changing money, business, and the world*. Penguin.
- Vejacka, M. (2014). Basic aspects of cryptocurrencies. *Journal of Economy, Business and Financing*.
- Vukolic, M. (2017). Rethinking permissioned blockchains. *In Proceedings of the ACM Workshop on Blockchain, Cryptocurrencies and Contracts*, 3-7.